

MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2011.

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 20 Februari 2011, di Dewan Kapitol, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang berusaha pengacara majlis,

Yang Berhormat Dr. Poh Choo Chor, Pengerusi MCA Bahagian
Kangar yang juga merupakan Adun Indera Kayangan,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha En Razli Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Saudara Khor Chin Wei, Pengarah Sambutan Tahun Baru Cina 2011.

Para pelajar UniMAP, Wakil-wakil dari Universiti Utara Malaysia.

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Malai Vanakkam, Ma Sa An Khair, Magandang Gabi (Bahasa Filipina) , Ratre Sawad (Bahasa Thai).

Ladies and gentlemen,

First and foremost, I would like to extend my gratitude to Allah SWT for with His grace and consent, that we can gather here tonight for the Chinese New Year 2011 celebration with the theme "**Awaken Prosperous Year By Blissful Dusk, Fill With Gratitude And Joy Spring**". Congratulations and thanks goes to the Student Representative Council (MPP) in collaboration with the Residents Council of Residential College (MPKK) for successfully organizing this event. Please give them a big round of applause.

Chinese New Year is one of the most important festivals for Chinese people. Now, it is not only celebrated by the Chinese, but also by all Malaysians of different races. Here in UniMAP we encourage the unity of various races in working together as a team in making this event a reality. Bravo and well done!

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Untuk pengetahuan anda, pemilihan tema **"Prosperous Year Awaken By Blissful Dusk, Fill Spring With Gratitude And Joy"** adalah bertepatan dengan tahun ini yang merupakan tahun Arnab dalam kalendar qamari Cina. Hal ini kerana, dalam tanggapan kita, arnab adalah haiwan yang jinak. Kita juga tahu bahawa arnab bukanlah haiwan yang agresif, tetapi arnab merupakan haiwan yang memberi simbol aman dan damai. Malah arnab adalah binatang yang bijak dan bertindak tangkas.

Menyentuh kepada arnab bijak dan bertindak pantas yang datang pada musim bunga dan musim panas ini, saya berharap apabila bermulanya tahun baru dalam kalendar qamari Cina ini, anda sekalian akan mengambil tindakan yang cepat tetapi tepat berdasarkan pemikiran yang bijak dan teliti. Hal ini sama seperti Arnab, si binatang kecil yang selalu menjadi mangsa kepada keadaan tetapi kebijakan dan

kepantasannya berfikir dan bertindak menjadikan dia antara binatang yang sering terselamat dari sebarang kesusahan atau kesulitan.

Hadirin sekalian,

Perumpamaan ini juga boleh dikaitkan dengan Universiti yang kita kasihi ini. Sebagai sebuah universiti yang baru dan terletak disebuah negeri yang kecil dengan jumlah pelajar yang masih kecil, pemikiran dan tindakan adalah menjadi senjata utama kita. Saya berharap agar warga UniMAP dan semua hadirin yang berada di sini akan mengamalkan pemikiran yang bijak yakni tidak mudah melatah terhadap sesuatu isu dan dapat bertindak pantas bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan itu tanpa memberi aplikasi yang negatif bukan sahaja terhadap diri sendiri malah terhadap universiti ini juga, ***ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut jangan terputus, tepung jangan berselerak***. Saya yakin ini akan membantu mengharmonikan lagi hubungan sesama kita tanpa sebarang perselisihan.

Hadirin sekalian,

Melalui penganjuran sebegini juga akan memberi peluang kepada para mahasiswa dan mahasiswi memupuk sifat kepimpinan dan mencungkil bakat yang ada pada diri anda. Bukan mudah mahu melaksanakan sesebuah program tetapi saya dapat melihat dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak kita telahpun berjaya melaksanakan amanah yang telah digalaskan ke bahu kita ini.

Seperti yang kita tahu, penganjuran program bukanlah satu kerja yang mudah. Ianya memerlukan komitmen dan ketekunan yang tinggi bagi melaksanakannya. Secara jujur, saya kagum dan saya kira program yang dianjurkan ini telah berjaya dan mencapai objektif penganjurannya. Oleh itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat yang diketuai oleh saudara Khor Chin Wei kerana berjaya menganjurkan aktiviti tahunan ini dengan jayanya.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, izinkan saya untuk menyampaikan sebuah puisi berkenaan dengan 'Tahun Arnab'

**Si kecil tiba, penuh bermakna,
Tiba tatkala, malam menjelma,
Si Tionghoa berdebar, gementar menanti,
Sinar ketibaan, tahun yang baru,
Tahun pengharapan, kegemilangan diri,
Tahun emas, tahun kejayaan,
Tahun limpahan, rezeki sejagat,
Harapan kemakmuran, 2011,**

**Di sebalik tuah, yang mendatang,
Kecelikan akal, kepantasan tindakan,
Menjadi kunci, kejayaan sebenar,
Memastikan kejayaan, kekal dimiliki,
Haruslah bijak, mengatur langkah,
Kerana kecerdikan, minda berakal,
Agar, tahun yang tuah,
Kekal bertuah,
Malah tuah berganda-ganda,
Itulah tahun arnab, si kecil bijak penuh bermakna.**

(aidaothman 17 Februari 2011)

Selamat Menyambut Tahun Baru Cina. Xin nian kuai le.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih. Xie xie.